

06 AUG 1996

PENGHARGAAN KEPADA DR M MENERUSI E-MAIL

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Usaha mengumpul ucapan tahniah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena 15 tahun khidmatnya sebagai Perdana Menteri bukan sekadar dalam bentuk surat, kiriman faks dan kad tetapi kini meliputi rakaman suara dan menerusi E-Mail.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail berkata menerusi rakaman suara dan E-Mail, lebih ramai rakyat akan dapat menyatakan penghargaan mereka kepada Dr Mahathir.

Sistem rakaman suara disumbangkan oleh Telekom Malaysia dan perkhidmatan E-Mail oleh LBS Bina Holdings Sdn Bhd.

Dengan mendail 03-6513155 suara pemanggil akan dirakamkan manakala mereka yang ingin menghantar secara E-Mail boleh menghubungi KCM @ KCM.JARING.MY.

Zaleha berkata segala ucapan dan penghantaran E-Mail akan dikumpul dan diserahkan kepada Sekretariat Ucapan Terima Kasih Kepada Perdana Menteri yang dikendalikan oleh kementerian dan Kelab Cinta Malaysia.

Sejak usaha mengumpul ucapan itu dimulakan bulan lepas sebanyak 20,000 ucapan dalam pelbagai bentuk telah diterima dan ianya akan dijilid sebelum diserahkan kepada Dr Mahathir. -- BERNAMA

AKT MAI